

Newspaper	Berita Harian
Date	18 June 2015

Pusat Tingkatan Enam diasing

BH-18/6/2015

» *Penjenamaan semula supaya setanding pendidikan prauniversiti*

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pusat Tingkatan Enam akan diasingkan sepenuhnya dengan sekolah arus perdana secara berperingkat menerusi tiga mod termasuk enam sudah beroperasi sekarang, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, selepas berakhirnya mod tiga, sekurang-kurangnya hanya sebuah pusat pendidikan Tingkatan Enam beroperasi di setiap Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Beliau berkata, ia sejajar penjenamaan semula Tingkatan Enam supaya setanding pendidikan prauniversiti seperti kolej matrikulasi dan pusat asasi sains.

Penjenamaan semula
Katanya, penjenamaan semula itu membolehkan sekolah menawarkan Tingkatan Enam diberi kuasa memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengupayakan pelajar sebelum memasuki universiti.

"Ia adalah sebahagian Gelombang Pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk mengukuhkan sistem pendidikan termasuk menjenamakan semula Tingkatan Enam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Pusat Tingkatan Enam Kemen-



Muhyiddin melawat kelas pembelajaran Tingkatan Enam sempena Majlis Pelancaran Pusat Tingkatan Enam di SMK Desa Mahkota, Kuala Lumpur, semalam. (FOTO AIZUDDIN SAAD/BH)

terian Pendidikan bagi Wilayah Persekutuan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Desa Mahkota, di sini semalam.

Penjenamaan semula berkenaan membabitkan Mod Satu iaitu premis berasingan dengan sekolah arus perdana menempatkan pelajar tingkatan enam; Mod Dua pula berkongsi dengan arus perdana; dan Mod Tiga pusat beroperasi di luar bandar berkongsi dengan aliran perdana.

Penstrukturan itu diumumkan Muhyiddin sendiri selepas menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pelajaran Asia Timur dan Sidang Kemuncak Menteri Pelajaran Asia Timur Pertama di Jogjakarta, Indonesia pada Julai 2012.

Tenaga pengajar khusus Timbalan Perdana Menteri berkata, pelajar Tingkatan Enam akan dikumpul dan ditempatkan secara berpusat dan menggunakan pakaian serta jadual waktu berbeza dengan sekolah harian biasa.

Katanya, tenaga pengajar juga khusus dan diletakkan dalam kategori beriaian berbanding sekolah arus perdana, menjadikan persekitarannya kondusif, menarik dan berkesan.

Beliau berkata, ini membantu pelajar menyiapkan diri memperoleh pencapaian cemerlang dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), seterusnya melanjutkan pengajian peringkat sarjana muda di universiti.

"Peperiksaan STPM diiktiraf Cambridge Assessment, United Kingdom, yang dengan sendirinya bermakna sistem peperiksaan itu diiktiraf badan antarabangsa setaraf lulus prauniversiti lain.

"Penjenamaan semula Tingkatan Enam boleh memberi impak positif terhadap pendidikan Tingkatan Enam terutama dalam aspek pencapaian kelulusan peperiksaan STPM dan STAM," katanya.

